

# Bumiputera perlukan dasar baharu ganti DEB

**UTUSAN:** Cadangan supaya DEB dihapuskan telah menimbulkan rasa bimbang sesetengah pihak terutama berhubung nasib bumiputera selepas ini. Apa pandangan Dr.?

**ABU SOFIAN:** Kita lihat ketika ini peniaga-peniaga Melayu juga usahawan-usahawan Melayu masih lagi memerlukan sedikit sebanyak sokongan daripada kerajaan, oleh itu kita mesti perbaiki dan semak semula dasar itu berpandukan keadaan semasa sekarang terutamanya keadaan ekonomi negara dan antara-bangsa. Ekonomi dunia juga kita lihat sudah bertukar corak, cara berniaga bukan lagi secara tradisional.

**Adakah penubuhan DEB selama ini berjaya mencapai sasarannya?**

Pada pandangan saya, DEB tidak mencapai walau 80 peratus objektifnya. Minta maaf saya cakap, DEB ini jika di peringkat awal memang bagus pelaksanaannya, tetapi semakin lama ia banyak dipolitikkan jadi hanya orang-orang tertentu yang mendapat manfaatnya. Sepatutnya manfaat DEB dapat diagih secara bersama, bukan hanya seorang, konsep perkongsian itu tiada.

**Apakah strategi yang perlu diberikan perhatian sekiranya kerajaan mahu melaksanakan dasar baharu bagi menggantikan DEB?**

## MUKADIMAH

## 5 SOALAN

EKONOMI golongan bumiputera di negara ini masih lagi jauh ketinggalan berbanding bukan bumiputera walaupun selepas hampir 50 tahun Dasar Ekonomi Baharu (DEB) dilaksanakan.

Perkara itu menyebabkan banyak kedengaran cadangan supaya DEB dihapuskan. Terbaru, Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan DEB sebagai dasar ekonomi yang tidak mapan untuk jangka masa panjang.

Namun begitu, pakar ekonomi dari Putra Business School, **PROF. MADYA DR. ABU SOFIAN YAACOB** berpendapat, masyarakat bumiputera khususnya masih memerlukan bantuan daripada kerajaan tetapi mestilah menerusi satu dasar baharu yang sesuai dengan keadaan ekonomi semasa yang semakin mencabar.

Beliau menyatakan pandangannya itu wartawan *Utusan Malaysia*, **BADRUL ISA** semalam.



Dasar baharu, objektif juga kena baharu, bukan lagi untuk membasmi kemiskinan, sebaliknya untuk memupuk budaya berniaga supaya menerusinya boleh membantu masyarakat setempat dan juga negara. Bila seseorang individu itu berjaya termasuk dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, dia

akan membantu komunitinya, bila komunitinya terjaga, negara juga akan maju.

**Apakah bentuk bantuan yang kerajaan wajar berikan kepada pengusaha dan usahawan bumiputera di negara ini?**

Seperti saya sebut tadi, cara berniaga kini sudah berubah dan

menuju ke arah dalam talian, perkara dan kebolehan sebegini yang perlu kerajaan perkasa dan dedahkan kepada bakal usahawan bumiputera terutamanya golongan muda malah mereka ini juga sedikit sebanyak perlu ditanam dengan minat terhadap bidang perniagaan walaupun hanya perniagaan kecil, lama-kelamaan ia akan menjadi sebuah perniagaan yang besar.

**Bagaimana Dr. melihat penumpuan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan ini dapat membantu masyarakat bumiputera khususnya orang Melayu secara keseluruhan?**

Kita mesti terapkan budaya suka berniaga daripada muda lagi. Jika orang Cina berniaga mereka akan pastikan ada ahli keluarga mereka akan minat dan ambil alih perniagaan itu. Kita berniaga untuk turun temurun. Ini saya rasa bumiputera belum dapat kuasai, bukan tiada yang berjaya tapi kita masih perlukan lebih ramai.

Bila itu berlaku, baharulah nanti kita tiada masalah untuk menyediakan ruang pekerjaan. Ini kerana mereka boleh membantu orang lain dengan menyediakan pekerjaan. Mentaliti kena begitu iaitu untuk maju ke hadapan, berkembang dan menolong komuniti dan masyarakat setempat. Pendekatan cara berniaga itu mesti diubah dan dasar kita kena ubah, sesuai dengan keadaan semasa.